

Akses pendidikan untuk semua

■ Seramai 975,328 terima bantuan

■ Babit perbelanjaan RM172 juta

Harapan metro
17/10/2015
m/s 7

Oleh Fairul
Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my
Petaling Jaya

Keprihatinan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk merapatkan jurang pendidikan yang wujud adalah satu agenda utama dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Sehubungan itu, inisiatif membantu pelajar menerusi pelbagai jenis bantuan yang disediakan termasuk Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) adalah satu agenda yang

“Objektif utama penubuhan tabung KWAPM adalah untuk membantu ibu bapa pelajar yang berpendapatan rendah”

Wan Khazanah Ismail



sentiasa menjadi keutamaan kementerian berkenaan.

Ini kerana sejak diwujudkan lebih 12 tahun lalu tabung berkenaan terbukti mampu mengurangkan jurang golongan miskin dan yang berkemampuan dalam

mendapatkan peluang serta akses kepada pendidikan sama rata bagi melahirkan pelajar cemerlang.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan Datuk Wan Khazanah Ismail berkata,



JENIS & KADAR BANTUAN KWAPM

Jumlah Data/ Status Kemiskinan	Bantuan Am Persekolahan (BAP)	Bantuan Bulanan (BB)	Jumlah Keseluruhan (RM)
eKASIH & e DAMAK (MISKIN TEGAR)	<ul style="list-style-type: none"> ■ Sekolah Rendah: RM200 bagi seorang pelajar setahun ■ Sekolah Menengah: RM300 bagi seorang pelajar setahun 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Sekolah Rendah: RM500 (RM50 x 10 bln) ■ Sekolah Menengah: RM600 (RM60 x 10 bln) 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Sekolah Rendah: RM700 ■ Sekolah Menengah: RM900

eKASIH & e DAMAK (MISKIN)

▪ Sekolah Rendah: **RM200** bagi seorang pelajar setahun

▪ Sekolah Menengah: **RM300** bagi seorang pelajar setahun

Data Sedia Ada (Permohonan Sekolah)

▪ Sekolah Rendah: **RM200** bagi seorang pelajar setahun

▪ Sekolah Menengah: **RM300** bagi seorang pelajar setahun

▪ Sekolah Rendah: **RM250** (RM25 x 10 bln)

▪ Sekolah Menengah: **RM300** (RM30 x 10 bln)

▪ Sekolah Rendah: **RM450**

▪ Sekolah Menengah: **RM600**

• Sekolah Rendah: **RM200**

• Sekolah Menengah: **RM300**

DUA JENIS BANTUAN KWAPM DAN KADAR YANG DIBERIKAN

Bantuan Awal Persekolahan (BAP):

Kadar RM200 untuk Sekolah Rendah dan RM300 untuk Sekolah Menengah (bagi kedua-dua kategori Miskin atau Miskin Tegar meliputi perbelanjaan pakaian seragam sekolah, peralatan sekolah dan lain-lain keperluan persekolahan murid)

Bantuan Bulanan (BB): Kadar RM25/bulan

untuk Sekolah Rendah dan RM30/bulan untuk Sekolah Menengah bagi kategori Miskin. Kadar RM50/bulan untuk Sekolah Rendah dan RM60/bulan untuk Sekolah Menengah bagi kategori Miskin Tegar. Ia juga meliputi wang saku dan lain-lain perbelanjaan harian

KRITERIA KELAYAKAN BANTUAN KWAPM

- Pelajar warganegara Malaysia yang bersekolah di Sekolah Rendah/Menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan (Tahun 1 hingga Tingkatan 1)
- Bagi murid Orang Asli, dokumen pengesahan taraf kewarganegaraan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) boleh diguna pakai
- Murid Tahun 1 hingga Tingkatan 1 yang bersekolah di Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan di mana Ketua Isi Rumah (KIR) berdaftar dengan Sistem e-Kasih atau e-Damak (Data Murid Orang Asli (DMOA) yang disahkan berstatus Miskin atau Miskin Tegar
- Bagi KIR yang tidak berdaftar dengan mana-mana sistem tersebut, pihak sekolah boleh membuat permohonan sekiranya Pendapatan Isi Rumah murid adalah berdasarkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional. Data/maklumat permohonan ini dikenali sebagai Data Sedia Ada (DSA)
- PGK Nasional yang diguna pakai adalah PGK Nasional Tahun 2012 yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri

KWAPM adalah untuk warga negara Malaysia yang bersekolah di sekolah rendah atau menengah kerajaan dan bantuan kerajaan (Tahun 1 hingga Tingkatan 1).

Katanya, ia ditubuhkan pada 2003 di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 dan juga selaras dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib yang berkuat kuasa mulai Januari 2003 di bawah Seksyen 29A Akta Pendidikan 1996 (akta 550) yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak bersekolah mulai umur tujuh tahun (pendidikan rendah).

“Objektif utama penubuhan tabung KWAPM adalah untuk membantu ibu bapa pelajar yang berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan untuk menghantar anak mereka ke sekolah bagi membasmi keciciran pelajar daripada persekolahan akibat kemiskinan keluarga.

“Ia juga selaras dengan hasrat Kementerian untuk memberikan golongan berkenaan akses pendidikan yang sama rata demi menjaga kecemerlangan negara,” katanya ketika ditemui.

Menurut Wan Khazanah lagi, bantuan untuk membiayai keperluan pendidikan terbabit bukan saja diberikan kepada pelajar di sekolah ke-

rajaan, malah sekolah bantuan kerajaan juga turut menerimanya berdasarkan senarai e-Damak, e-Kasih dan Data Sedia Ada (DSA).

Justeru, kata Wang Khazanah, semua sekolah perlu menasihatkan penjaga atau ketua isi rumah supaya menentukan di mana kedudukan kewangan keluarga masing-masing dan perlu segera mendaftar dengan e-kasih jika berada di bawah paras kemiskinan.

Kata beliau, jumlah penerima di setiap negeri semakin meningkat saban tahun dan ia mungkin disebabkan oleh kenaikan kos sara hidup yang tinggi, pertambahan bilangan isi rumah dan sebagainya.

“Berdasarkan rekod Kementerian, pada tahun lepas saja lebih 975,328 pelajar menerima bantuan tabung berkenaan berbanding hanya 30,833 orang pada 2003.

“Sehingga Ogos tahun ini pula, jumlah perbelanjaan kepada penerima adalah sebanyak RM172,034 juta berbanding RM87.7 juta pada 2003,” katanya.

K keadaan itu sedikit sebanyak mendorong KPM berusaha mencari alternatif lain bagi mengumpul dana tambahan termasuk mendapatkan sumbangan daripada

orang ramai serta syarikat swasta.

Wan Khazanah berkata, jumlah penjawat awam di seluruh negara sekarang adalah 1.61 juta orang dan jika seorang daripada mereka menyumbang menerusi potongan gaji RM1 saja setiap bulan, tabung berkenaan mampu mengumpul RM1.61 juta sebulan.

“Jadi, KPM sentiasa menggalakkan orang ramai dan syarikat swasta supaya tampil menghulurkan bantuan kepada tabung ini dan sumbangan boleh disalurkan secara terus ke akaun Maybank 564016117704 atas nama Ketua Akauntan Kementerian Pendidikan Malaysia.

“Individu yang membuat sumbangan kepada tabung KWAPM juga berpeluang menikmati pengecualian cukai tahunan dan kita harap selepas ini akan lebih ramai yang tampil menghulurkan sumbangan bagi membantu pelajar memerlukan,” katanya.

Beliau turut memaklumkan KPM sudah mengarahkan sekolah supaya meneliti dan mengenal pasti pelajar yang tidak didaftarkan dalam e-Kasih, tetapi memenuhi syarat kelayakan untuk menerima bantuan tabung berkenaan.